



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA BILANGAN 8 TAHUN 2021**  
**PENGECUALIAN TERHADAP PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG BERHUBUNG**  
**DENGAN URUSAN MAHKAMAH DI SELURUH MALAYSIA**

Dimaklumkan bahawa YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], subseksyen 17(8) Akta 91, seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] dan subseksyen 3(7) Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [Akta 55] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 [Akta 829], demi kepentingan pelaksanaan keadilan, kesejahteraan awam, keselamatan awam, kesihatan atau kesusilaan awam telah mengeluarkan Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 8 Tahun 2021 Pengecualian Terhadap Pemakaian Undang-Undang Berhubung Dengan Urusan Mahkamah di seluruh Malaysia mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2021, yang antara lain menyatakan:

**A. *Pengecualian Terhadap Pematuhan Kehendak Tempoh Masa***

4. *Pihak-pihak adalah dikecualikan daripada mematuhi kehendak tempoh masa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang berhubung dengan urusan Mahkamah di seluruh Malaysia dan bagi maksud ini, pihak-pihak tidak perlu memohon bagi mendapatkan perintah untuk pelanjutan masa daripada Mahkamah.*
5. *Pengecualian daripada pematuhan kehendak tempoh masa adalah merangkumi hal perkara yang berikut:*

- (a) *pemfailan kertas kausa;*
- (b) *pemfailan notis rayuan;*
- (c) *penyerahan kertas kausa dan dokumen Mahkamah;*
- (d) *pelaksanaan perintah Mahkamah;*
- (e) *penyerahan notis rayuan dan rekod rayuan secara fizikal daripada Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan; dan*
- (f) *apa-apa hal perkara lain berhubung dengan urusan Mahkamah yang ditetapkan oleh Mahkamah dari semasa ke semasa.*

6. *Bagi maksud perenggan 4 dan 5 di atas, pihak-pihak hendaklah menyempurnakan pematuhan kehendak tempoh masa dalam tempoh empat belas (14) hari selepas—*

- (a) *tamatnya tempoh PKP; atau*
- (b) *apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang membenarkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan untuk beroperasi dalam tempoh PKP.*

**B. *Penyempurnaan Afidavit Bagi Kes Perakuan Segera Atau Permohonan Segera***

7. *Bagi apa-apa kes perakuan segera atau permohonan segera, pihak-pihak bolehlah memfailkan afidavit yang belum disempurnakan dengan aku janji untuk menyempurnakan afidavit tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari selepas—*

- (a) *tamatnya tempoh PKP; atau*

- (b) *apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang membenarkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan untuk beroperasi dalam tempoh PKP.*

**C. *Pengecualian Pengemukaan Dokumen Asal Dalam Prosiding Yang Dijalankan Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh***

8. *Bagi apa-apa prosiding yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh yang memerlukan pengemukaan dokumen asal secara fizikal, Mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak untuk mengemukakan dokumen asal tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari selepas—*

- (a) *tamatnya tempoh PKP; atau*

- (b) *apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang membenarkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan untuk beroperasi dalam tempoh PKP.*

**SEKATAN DALAM MEMBUAT BANTAHAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN TATACARA**

9. *Bagi maksud pemakaian Arahan ini, pihak-pihak tidak boleh membangkitkan apa-apa bantahan mengenai ketidakpatuhan dari segi tatacara berhubung dengan—*

- (a) *kehendak pematuhan tempoh masa; dan*

- (b) *kehendak penyempurnaan pemfailan affidavit.*

Bagi sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi **Bahagian Komunikasi Korporat** di talian 03-8880 4051 / 03-8880 4607 atau [komunikasikorporat@kehakiman.gov.my](mailto:komunikasikorporat@kehakiman.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 31 Mei 2021**